

Temasya Sukan IPTA tetap meriah

HASRAT tiga atlet olahraga kebangsaan untuk beraksi di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Gong Badak, Kuala Terengganu tidak kesampaian selepas bumbung stadium itu roboh. Selasa lalu, lapor **NORZASRUDIN MOHAMED NOR**.

Bagaimanapun, insiden itu tidak melemahkan semangat bekas raja pecut Asia Tenggara, Nazmizan Muhammad, Rabbani Hassan dan Malik Tobias untuk mempamerkan kehebatan masing-masing.

Ketiga-tiga atlet kebangsaan ini berjaya mengungguli acara olahraga pada temasya Sukan Staf Antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Ke-34 yang berlangsung di Trek Latihan Olahraga Gong Badak semalam.

Nazmizan, 28, yang mewakili Universiti Malaysia Perlis (Unimep) mencatat masa 52.8 saat untuk memenangi pingat emas dalam acara 400 meter lelaki senior.

Manakala dalam acara 4x100 meter lelaki senior, anak kelahiran Terengganu ini bergandingan dengan Rabbani

KEDUDUKAN PINGAT

	E	P	G
Unimep	8	9	3
UPM	3	5	2
UKM	3	0	4
UMS	3	0	3
USM	2	1	2
UM	1	3	2
Utem	1	2	1
UMT	1	2	1
Unimas	0	0	3
UIA	0	0	1

Hassan untuk mengutip pingat emas kedua peribadi.

"Saya tidak sangka stadium yang baru berusia setahun ini boleh runtuh sehingga memusnahkan impian saya untuk berlari buat kali pertama di stadium ini.

"Mungkin ada hikmah di sebalik kejadian ini dan saya amat bersyukur kerana ia berlaku sebelum temasya ini berlangsung," katanya ketika ditemui semalam.

Menurut Nazmizan, sebab utama temasya ini diadakan di Kuala Terengganu adalah keunikan stadium yang dibina dengan kos kira-kira RM292 juta ini.

Katanya, dia menyertai kejohanan ini semata-mata untuk memperbaiki tahap kecergasan dan catatan masa, sekali gus mengintai peluang untuk ke Sukan SEA di Laos, Disember depan.

Dalam acara olahraga yang membuka tirainya semalam, sebanyak 22 pingat emas menjadi rebutan.

Unimep mengungguli kutipan pingat dengan mengumpul lapan emas, sembilan perak dan tiga gangsa.

Universiti Putra Malaysia berada di tempat kedua dengan tiga pingat emas, lima perak dan dua gangsa manakala tempat ketiga dikuasai Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengumpul tiga pingat emas serta dua gangsa.

RABBANI (kiri) giat berlatih di Trek Latihan Olahraga Gong Badak semalam.

